

17 FEB 2001

FESTIVAL PELANCONGAN MELAKA AKAN DILANCAR DI KUALA LUMPUR

MELAKA, 17 Feb (Bernama) -- Festival Pelancongan Melaka akan dilancarkan di Kuala Lumpur 23 Feb ini sebagai permulaan kepada usaha promosi pelancongan negeri, bagi tahun ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam berkata festival tiga hari itu akan dilancarkan di sebuah pusat membeli belah di Bukit Bintang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia akan diikuti dengan penganjuran di beberapa tempat lain seperti Johor Baharu dan Pulau Pinang, Singapura dan Pekan Baru, Indonesia, katanya dalam ucapan perasmian Festival Layang-layang Melaka Bandaraya Bersejarah di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri Datuk R.Raghavan.

Mohamed Ali berkata sasaran kerajaan negeri tahun ini ialah meningkatkan jumlah kedatangan pelancongan sebanyak 40 peratus melalui pelbagai usaha promosi dan tawaran yang dilakukan.

Sementara itu, seramai 80 peserta mengambil bahagian dalam festival layang-layang hari ini termasuk peserta dari luar negara China, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Australia, Singapura dan Perancis.

Festival dua hari itu menawarkan hadiah berjumlah RM10,000 dan merupakan aktiviti anjuran Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) sebagai sambutan kepada Perayaan Melaka Bandaraya Bersejarah pada 15 April.

-- BERNAMA

SBS RON